

DATE: 7/9/2007

Rakyat perlu tanam tekad agar setiap rancangan bawa kebaikan

# Betulkan integriti diri

Oleh ROZAMAN ISMAIL  
dan HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 6 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat agar menanam tekad untuk membetulkan integriti diri masing-masing supaya setiap yang dirancang akan membawa kebaikan.

Menurut Perdana Menteri, ini termasuk melakukan muhasabah diri dengan bertanyakan soalan mengenai apa yang betul dan apa yang salah dalam setiap perkara yang dilakukan.

"Dulu saya bercakap mengenai sistem penyampaian awam, berkaitan rasuah, disiplin dan peraturan. Banyak kali dah cakap, jadi hari ini saya ingin cakap pasal diri.

"Yang bantah dan yang menyeleweng semuanya berpunca dari diri kita sendiri, sedangkan peraturan yang banyak itu adalah untuk memperkuat dan membetulkan manusia, semua itu termasuk pindaan undang-undang dan peraturan adalah untuk menjadikan kita orang baik," katanya semasa menyampaikan ucapan pada Konvensyen Integriti 2007 di sini hari ini.

Pada majlis itu, perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani antara IIM dengan MIMOS Bhd., Institut Pengurusan Malaysia (MIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri turut mengajak seluruh lapisan masyarakat menjadikan diri masing-masing sebagai 'manusia terbaik' dengan melakukan perkara yang baik kerana perbuatan itu akan menentukan masa depan mereka.

"Biasanya kalau kita buat kerja baik, yang lain tidak berani buat salah, tolong ingat mengenainya kerana kepimpinan perlu menunjukkan contoh.

"Saya laksanakan kepimpinan melalui teladan. Kita perlu ingati diri kita kerana kita menjadi pemimpin dalam keluarga, pekerjaan serta persatuan dan yang penting kita semua perlu pimpin diri sendiri," jelasnya.

Mengenai integriti, Perdana Menteri memberitahu, ia mesti dimulakan dari rumah dengan anak-anak diajar mengenai disiplin, amanah, kasih sayang, tidak berbohong, tolong-menolong dan nilai-nilai lain yang boleh membina sahsiah diri.

Menurut Abdullah, jika didikan sedemikian diberi secara bersungguh-sungguh oleh ibu bapa, anak-anak akan menjadi insan yang baik.

## Betulkan integriti diri

Ibu bapa menurut beliau, perlu menjadi contoh terbaik dan tidak menjadi seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus.

"Tunjukkan kepada anak-anak, keluarga terdekat dan rakan-rakan pejabat bahawa cara kita itu mempunyai keluhuran dan ciri-ciri yang baik, ada pekerti yang luhur dan mulia," jelasnya.

Dalam masa sama juga, kata Perdana Menteri, aspek pembangunan modal insan perlu disemai dalam diri dan ia tidak hanya tertumpu kepada ilmu pengetahuan kerana pandai sahaja belum tentu akan menjadi manusia yang baik budi pekertinya.

"Kita mesti memahami bahawa pembangunan modal insan adalah satu program pembangunan integriti yang penting kerana ia adalah asas kepada pembangunan peribadi yang mulia," katanya.